

D583

B B154. DEB
MAHATHIR - SABAH RRRRRR
(1)

KUALA LUMPUR, 24 MAC (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, MAJLIS TERTINGGI UMNO BELUM MEMBUAT KEPUTUSAN SAMA ADA PARTI ITU AKAN MENERUSKAN RANCANGANNYA UNTUK MENGEMBANGKAN SAYAP KE SABAH.

KATANYA, KEPUTUSAN BAGI UMNO MASUK KE SABAH DIBUAT SEMASA MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI YANG LEPAS DAN JIKA UMNO MAHU MENANGGUHKAN RANCANGANNYA, IA BERGANTUNG KEPADA MAJLIS UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN.

+SAYA TIDAK BOLEH MEMBUAT KEPUTUSAN DENGAN SENDIRI KERANA IA DIBUAT OLEH MAJLIS TERTINGGI,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA DI SINI APABILA DIMINTA MENGULAS LAPORAN AKHBAR DARI KOTA KINABALU YANG MEMETIK PRESIDEN USNO TUN DATU MUSTAPHA HARUN SEBAGAI BERKATA BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH BERSETUJU PADA DASARNYA UNTUK MENANGGUHKAN PROJEK MENGEMBANGKAN UMNO KE SABAH.

TUN DATU MUSTAPHA BERKATA, KEPUTUSAN PRESIDEN UMNO BAHAWA UMNO TIDAK AKAN MASUK KE SABAH AKAN DIBUAT JIKA USNO MAMPU MENYUSUN SEMULA DAN MEMPERKEMASKAN KEDUDUKANNYA BAGI MEWAKILI GOLONGAN BUMIPUTERA DI NEGERI ITU.

-- LAGI.
1619MST 24 03 87

D584

B B155 DEB
MAHATHIR - SABAH 2 KUALA LUMPUR RRRRRR
(1)

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU MEMBERITAHU TUN DATU MUSTAPHA BAHAWA MAJLIS TERTINGGI UMNO AKAN MEMBUAT KEPUTUSANNYA SAMA ADA PARTI ITU AKAN DIKEMBANGKAN KE SABAH.

UMNO PADA MULANYA BERCADANG UNTUK MASUK KE SABAH APABILA TUN DATU MUSTAPHA MENGUMUMKAN PERSARAANNYA SEBAGAI PRESIDEN USNO DAN TIDAK ADA +SEORANGPUN+ UNTUK MENGAMBIL ALIH JAWATANNYA DAN MENYATUPADUKAN PARTI. -- BERNAMA.

1620MST 24 03 87